



## SIARAN AKHBAR

### **NITRO CHICKEN MEMBUKA CAWANGAN PERTAMA DI MALAYSIA**

**DESA PARKCITY, 23 April 2018** – Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Seri Hamzah Zainudin telah merasmikan Franchise International Malaysia (FIM) 2018 anjuran KPDNKK dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) pada 21 April yang lalu di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Menerusi ucapan pada perasmian tersebut, beliau memaklumkan kepada pengunjung dan media yang hadir mengenai Nitro Chicken iaitu sebuah jenama makanan segera yang berasal dari Timur Tengah telah membuka outlet pertama di Desa Parkcity

Rentetan daripada ucapan beliau tempoh hari, beliau hari ini berkesempatan melawat outlet pertama tersebut yang turut disertai Ketua Setiausaha KPDNKK, Ybhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh dan Pengarah Urusan PNS, Ybhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin. Kunjungan YB Dato' Seri Hamzah Zainudin diraikan oleh Encik Hassan Ali dan Encik Nabil Ali, pengasas Nitro Chicken.

Nitro Chicken merupakan jenama daripada Timur Tengah diasaskan oleh Antar Bros Group merupakan perniagaan keluarga yang berasal daripada Damascus iaitu ibu negara Syria. Jenama ini membawa resipi dari warisan bandar purba untuk dibangunkan di Malaysia dan menembusi seluruh dunia dalam segmen makanan segera.

Idea untuk mewujudkan konsep baru dengan suasana yang unik adalah bagi mewujudkan kelainan dalam industri makanan segera dengan menyediakan makanan yang segar dan mengikut citarasa terkini. Resepi yang dibawa adalah merupakan resepi asli daripada Timur Tengah yang pastinya memberi kejutan daripada segi rasa berbanding jenama-jenama makanan segera lain di luar sana.

Adalah menjadi misi jenama ini menghadirkan makanan berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan. Terdapat 13 pakej makanan ayam goreng dengan pelbagai menu sampingan yang menarik. Bagi penggemar makanan pedas, Nitro Magma dan Nitro Lava pasti menjadi pilihan. Nitro Chicken juga mempunyai menu ayam panggang iaitu Nitro Flame. Bagi memberi lebih variasi kepada pelanggan, mereka turut menyediakan nugget ayam, fillet ayam, sandwich dan pelbagai minuman sejuk serta panas. Untuk dapatkan maklumat lanjut mengenai jenama ini, sila layari Facebook atau Instagram : Mynitrochicken.



YB Dato' Seri Hamzah Zainudin bersama pengasas Nitro Chicken, Encik Hassan Ali dan Encik Nabil Ali. Turut hadir bersama adalah Ketua Setiausaha KPDNKK, Ybhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha KPNDKK, Ybhg. Dato' Basaruddin bin Sadali dan Pengarah Urusan PNS, Ybhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin.



YB Dato' Seri Hamzah Zainudin memotong riben sebagai simbolik perasmian pembukaan outlet pertama Nitro Chicken di Desa Parkcity.

Untuk urusan media, sila hubungi: Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat melalui emel, hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

### **PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS)**

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.